



UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

APEX™



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

PPG214: KADEAH MENGAJAR BAHASA MELAYU I

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

TAJUK:

LAPORAN PENGAJARAN MIKRO BAHASA MELAYU

KOMSAS PROSA TRADISIONAL

NAMA AHLI :

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI 136361

NURUL ZUHEINNA BINTI TAN TECK FUI 136485

NURUL AIN BINTI MAHAMAD YUSUFF 136475

NAMA PENSYARAH :

DR. MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN BAHASA MELAYU

MODUL	Komsas Prosa																					
TINGKATAN/ BIL. MURID	1 Bestari (28 orang)																					
MASA	30 Minit																					
TEMA/TAJUK	Kebijaksanaan (Asal Padi)																					
STANDARD KANDUNGAN	4.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastera dengan memberikan respons peribadi																					
STANDARD PEMBELAJARAN	4.1.1 Memahami dan mengapresiasi karya prosa dengan memberikan respons peribadi tentang sinopsis, tema dan persoalan dengan betul, rasional dan penuh penghayatan.																					
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Pada akhir sesi pembelajaran, murid dapat: <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan maksud persoalan berserta bukti peristiwa yang terdapat dalam prosa tradisional Asal Padi secara berkumpulan. 2. Membina sekurang-kurangnya dua persoalan bagi prosa tradisional Asal Padi secara berkumpulan. 																					
ELEMEN MERENTAS KURIKULUM	<table> <tr> <td>Ilmu</td> <td>:</td> <td>Seni Bahasa</td> </tr> <tr> <td>Nilai</td> <td>:</td> <td>Kerjasama, komunikasi, kolaboratif, nilai murni</td> </tr> <tr> <td>Kemahiran</td> <td>:</td> <td></td> </tr> <tr> <td>KBAT</td> <td>-</td> <td>Kemahiran berfikir secara kreatif</td> </tr> <tr> <td>EMK</td> <td>-</td> <td>Bahasa, Nilai-nilai murni, Sains dan Teknologi</td> </tr> <tr> <td>TEKNOLOGI</td> <td>-</td> <td>LCD, paparan slaid <i>powerpoint</i>, video</td> </tr> <tr> <td>KREATIVITI</td> <td>-</td> <td>Alat bantu mengajar, tayangan video</td> </tr> </table>	Ilmu	:	Seni Bahasa	Nilai	:	Kerjasama, komunikasi, kolaboratif, nilai murni	Kemahiran	:		KBAT	-	Kemahiran berfikir secara kreatif	EMK	-	Bahasa, Nilai-nilai murni, Sains dan Teknologi	TEKNOLOGI	-	LCD, paparan slaid <i>powerpoint</i> , video	KREATIVITI	-	Alat bantu mengajar, tayangan video
Ilmu	:	Seni Bahasa																				
Nilai	:	Kerjasama, komunikasi, kolaboratif, nilai murni																				
Kemahiran	:																					
KBAT	-	Kemahiran berfikir secara kreatif																				
EMK	-	Bahasa, Nilai-nilai murni, Sains dan Teknologi																				
TEKNOLOGI	-	LCD, paparan slaid <i>powerpoint</i> , video																				
KREATIVITI	-	Alat bantu mengajar, tayangan video																				

Perkembangan Pelajaran	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Catatan
Penglibatan (3 minit)	<p>Set Induksi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memulakan pengajaran dengan melakukan pengurusan bilik darjah. 2. Murid ditayangkan sebuah video berdurasi pendek. 3. Murid disoal oleh guru tentang sejauh mana sifat ingin tahu dan tanda tanya mereka apabila menonton tayangan video tersebut. 4. Murid diterangkan tentang isi pengajaran pada hari ini. 	<p>Kemahiran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar 2. Bertutur <p>KBAT:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berfikir kreatif <p>ABM:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. ICT
Penerangan (10 minit)	<p>Penerangan dan aktiviti:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menyatakan objektif pembelajaran pada hari ini. 2. Murid mendengar dan mencatat penerangan daripada guru berkaitan dengan maksud persoalan berdasarkan paparan slaid. 3. Murid diminta memberikan contoh persoalan berdasarkan tayangan video. 	<p>Strategi PdP:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembelajaran berasaskan Inkuiiri <p>Kemahiran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar 2. Bertutur 3. Menulis <p>KBAT:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berfikir secara kreatif 2. Berfikir secara kritis <p>EMK:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa 2. Sains dan Teknologi

		<p>ABM:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Paparan slaid
Penerokaan (5 minit)	<p>Aktiviti:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid ditayangkan satu contoh persoalan dari prosa tradisional Asal Padi. 2. Secara berkumpulan, murid diminta untuk berbincang bagi menghuraikan maksud persoalan berserta bukti peristiwa yang terdapat dalam prosa tradisional Asal Padi. 1. Wakil dari setiap kumpulan akan dipilih secara rawak menggunakan Roda Pemerik Rambang (<i>Random Picker Wheel</i>) untuk menjawab soalan. 2. Dengan menggunakan kaedah Pembentukan Kumpulan (<i>Formations</i>) murid dikehendaki mengangkat simbol merah menandakan jawapan yang salah dan simbol hijau menandakan jawapan yang betul. 	<p>Strategi PdP:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembelajaran berpusatkan murid <p>PAK21:</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Roda Pemerik Rambang (<i>Random Picker Wheel</i>) 4. Pembentukan Kumpulan (<i>Formations</i>) <p>Objektif:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan maksud persoalan berserta bukti peristiwa yang terdapat dalam prosa tradisional Asal Padi secara individu. <p>Kemahiran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar 2. Bertutur 3. Menulis <p>KBAT:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berfikir secara kreatif 2. Berfikir secara

		<p>kritis</p> <p>EMK:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa 2. Sains dan Teknologi
Pengembangan (10 minit)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap murid diagihkan kepada empat kumpulan kecil. 2. Murid diminta untuk membuka buku Antologi Komsas prosa tradisional Asal Padi pada muka surat 23 hingga 25. 3. Murid diminta untuk membina sekurang-sekurangnya dua persoalan yang sesuai berdasarkan muka surat yang diberikan di atas kad manila. 4. Setelah selesai murid diminta untuk bertukar jawapan secara bersilang dengan kumpulan lain. 5. Murid diminta untuk menyemak jawapan kumpulan lain berdasarkan jawapan guru dalam paparan slaid. 6. Guru membuat penilaian dan penambahbaikan bagi keempat-empat kumpulan tersebut. 	<p>Strategi PdP:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembelajaran berpusatkan murid 2. Pembelajaran koperatif <p>PAK21:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertukaran Silang (<i>Cross-exchange</i>) <p>Objektif:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membina sekurang-kurangnya dua persoalan bagi prosa tradisional Asal Padi secara berkumpulan. <p>Kemahiran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar 2. Bertutur 3. Menulis <p>KBAT:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berfikir secara kreatif

	<p>2. Berfikir secara kritis</p> <p>EMK:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa 2. Sains dan Teknologi 3. Nilai-nilai murni <p>ABM:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kad manila 	
Penilaian (2 minit)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid diminta untuk membuat rumusan dan refleksi berkaitan dengan topik yang dipelajari dengan menggunakan ayat sendiri. 2. Guru merumuskan secara keseluruhan topik pembelajaran pada hari ini. 3. Murid-murid diberi tugasan tambahan sebagai pengukuran dan peneguhan terhadap topik yang dipelajari. 	<p>Kemahiran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar 2. Bertutur <p>KBAT:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran menaakul 2. Strategi berfikir <p>EMK:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa

REFLEKSI DIRI

Nama : IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI
No matrik : 136361

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan kumpulan saya iaitu Nurul Zuheinna dan Nurul Ain kerana telah banyak membantu memberikan idea, tenaga serta masa dalam melakukan pengajaran mikro Kaedah Mengajar Bahasa Melayu I. Tidak dilupakan juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah PPG214, iaitu Dr. Zuhair Bin Zainal kerana dengan bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan dapatlah kami melakukan pengajaran mikro ini dengan jayanya. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pengajaran mikro ini.

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa kelebihan dan kekurangan yang saya peroleh semasa melakukan pengajaran mikro ini. Antara kelebihan yang saya peroleh ialah semangat kerjasama dalam kumpulan. Kumpulan kami yang terdiri daripada tiga orang ahli telah bertungkus lumus dalam memikirkan idea bermula dari set induksi sehingga membuat penilaian terakhir. Idea-idea yang tercetus antara kami bertiga telah menghasilkan pengajaran mikro yang tersusun dan berstruktur sesuai dengan kehendak pensyarah. Bahan dalam melakukan aktiviti juga terkawal dan tidak padat. Lontaran suara yang lantang juga merupakan kekuatan bagi kumpulan kami dalam menyampaikan pengajaran. Memandangkan kami merupakan kumpulan ke sembilan yang melakukan pengajaran mikro ini, kami berpeluang untuk melakukan penambahbaikan melalui pengajaran mikro kumpulan lain. Kami juga berpeluang untuk menimba ilmu dari pensyarah apabila pensyarah melakukan komen terhadap pengajaran mikro kumpulan lain. Oleh sebab itu, kami mempunyai pengalaman dan mampu melakukan sehabis baik terhadap pengajaran mikro bagi kumpulan kami sendiri. Kami juga dapat mengaplikasikan beberapa aktiviti Pembelajaran Abad ke-21 yang mampu menarik perhatian murid dan mengelakkan mereka daripada bosan.

Kekurangan yang kumpulan kami alami pula ialah kami masih menggunakan teknik sama seperti guru di sekolah iaitu masih menggunakan kad manila dalam melakukan aktiviti dalam bilik darjah. Oleh itu, langkah penyelesaian bagi kekurangkan ini ialah perlu untuk memikirkan seberapa banyak aktiviti-aktiviti yang

sesuai berpandukan aktiviti Pembelajaran Abad ke-21 tanpa menggunakan kad manila lagi. Selain itu, kekurangan yang kami alami ialah pengurusan masa dalam bilik darjah. Pengajaran mikro yang kami jalankan adalah sebanyak 30 minit sahaja. Oleh itu, aktiviti yang kami lakukan perlulah cepat bagi melengkapkan set induksi sehingga penilaian. Selain daripada pengurusan masa, pengawalan kelas juga merupakan salah satu kekurangan bagi kumpulan kami. Semasa pengajaran mikro dijalankan, murid-murid masih bercerita dan tidak melibatkan diri semasa melakukan perbincangan. Oleh itu, sebagai seorang guru kelak, kami perlu bersikap tegas dan memastikan setiap murid melibatkan diri merka dalam aktiviti yang bakal dijalankan.

Secara keseluruhannya mengajar komsas pada pendapat saya sememangnya agak sukar kerana komsas ini merupakan bidang yang luas bukan sahaja prosa tradisional, tetapi juga melibatkan prosa moden seperti puisi, sajak dan lain-lain lagi. Sebagai seorang bakal guru, kami seharusnya mempunyai persiapan yang rapi dan mempunyai ilmu pengetahuan komsas yang meluas dalam sesuatu topik yang hendak diajarkan kepada murid. Melalui pengajaran mikro ini, banyak teknik-teknik yang telah kami pelajari antaranya mempelbagaikan aktiviti di dalam kelas agar objektif pembelajaran dapat dikecapi.

Nama : NURUL AIN BINTI MAHAMAD YUSUFF
No matrik : 136475

Assalamualaikum dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Dr. Muhammad Zuhair Bin Zainal sebagai penasihat dalam tugas kaedah mengajar Bahasa Melayu 1. Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya, saya dan ahli kumpulan telah selesai melakukan tugas kami baru-baru ini. Saya dan ahli kumpulan ditugaskan untuk mengajar komsas Tingkatan Satu iaitu prosa. Bagi kami, bukan mudah untuk mengajar komsas kerana kami sendiri perlu memahami konsepnya terlebih dahulu sebelum mengajar murid-murid.

Secara jujurnya, kekuatan dan kelebihan kumpulan kami ini ialah di mana kami saling membantu dalam menyelesaikan sebarang tugas yang diberikan tanpa mengeluh. Kami juga mempunyai semangat setia kawan yang tinggi dan saling memahami antara satu sama lain, jadi ia sangat membantu saya untuk memberikan yang terbaik dalam gerak kerja kami.

Melalui hasil perbincangan serta komen daripada rakan sekelas dan juga Dr. Zuhair, banyak perkara perlu dibaiki dan segala komen tersebut boleh dijadikan sebagai panduan untuk mengajar di sekolah kelak. Antara kekuatan yang kami dapati ialah kami mampu berkomunikasi secara dua hala dimana kami sebagai guru mampu berkomunikasi dengan murid-murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Komunikasi dua hala ini sangat penting kerana ia dapat memperlihatkan murid supaya lebih aktif dan ingin mengambil bahagian dalam pembelajaran di dalam bilik darjah. Kami juga menerima komen yang positif daripada rakan sekelas dan juga Dr. di mana PdP kami begitu lancar dan tersusun. Ketiga-tiga suara guru juga jelas dan lantang. Kemudian, set induksi juga menarik dan berjaya menarik perhatian pelajar tentang topik pembelajaran yang akan dipelajari.

Terdapat juga kelemahan dalam pengajaran mikro kami iaitu kami tidak menerangkan objektif pembelajaran kepada murid-murid secara terperinci. Kami menerangkan secara ringkas sahaja berdasarkan objektif pembelajaran yang ada di dalam RPH. Seterusnya, aktiviti PAK-21 yang kami lakukan juga kurang menarik kerana kami hanya mengitar semula idea-idea yang Dr. telah berikan iaitu aktiviti pertukaran jawapan secara bersilang dengan kumpulan lain. Sebenarnya, ada juga aktiviti lain yang difikirkan, tetapi kami berasa takut untuk melaksanakan aktiviti tersebut kerana risau aktiviti tersebut tidak dapat berjalan dengan lancar disebabkan

masa yang diperuntukan adalah singkat. Berdasarkan komen daripada rakan sekelas pula, ada yang menyatakan bahawa penerangan atau arahan guru terlalu laju. Jadi, setiap komen daripada Dr. dan rakan sekelas akan kami aplikasikan pada masa hadapan. Setiap komen itu merupakan ilmu kepada kami semua kerana dari situlah kami dapat mengetahui kelebihan atau kelemahan yang ada dalam diri kami semua.

Secara keseluruhannya, kaedah mengajar ini berjalan dengan lancar dan setiap komen daripada Dr. akan kami perbaiki pada masa hadapan. Kaedah mengajar ini juga sangat membantu kami semua dalam persediaan untuk menjadi pendidik kelak. Saya juga berharap agar segala pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam kursus ini dapat diguna pakai untuk Latihan Mengajar kelak.

Nama : NURUL ZUHEINNA BINTI TAN TECK FUI
No matrik : 136485

Saya dan ahli kumpulan saya iaitu Ibnu Sany dan Nurul Ain telah pun selesai untuk kaedah mengajar pada minggu lalu. Syukur ke hadrat Illahi kerana proses pengajaran kami telah berjalan dengan lancar. Saya dan ahli kumpulan saya telah pun buat yang terbaik dalam kaedah mengajar tersebut. Kami telah membuat beberapa persediaan sebelum kaedah mengajar kami dijalankan. Antaranya ialah, kami telah melakukan perbincangan beberapa kali untuk penentuan tajuk, membuat rancangan pengajaran harian, dan penyediaan bahan bantu mengajar dan pembahagian tugas.

Semasa kaedah mengajar, kami telah melakukan pembahagian tugas untuk melakukan pengajaran. Dalam kaedah mengajar ini, Nurul Ain telah mengambil bahagian untuk Set Induksi dan penilaian untuk pengajaran. Ibnu Sany pula mengambil bahagian penerangan dan penerokaan manakala saya pula mangambil bahagian dalam pengembangan untuk sesi pengajaran. Secara keseluruhannya, berdasarkan refleksi ataupun komen yang telah diberikan oleh rakan-rakan dan Dr. Zuhair, proses pengajaran dalam kaedah mengajar kami adalah berstruktur dan terancang terutamanya dari segi penyusunan aktiviti. Hal ini memudahkan pelajar untuk memahami sesuatu pengajaran. Selain itu, terdapat juga komen mengenai penggunaan nada suara dan arahan yang jelas daripada cikgu. Namun begitu, terdapat juga penambahbaikan yang perlu dibaiki. Menurut Dr. Zuhair, kumpulan kami kurang menerapkan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam aktiviti bahagian pengembangan. Kami hanya menggunakan kad manila untuk aktiviti tersebut. Menurut Dr lagi, kaedah ini kurang sesuai untuk kaedah PAK21. Kami sebagai guru abad ke-21 perlulah mencipta pelbagai aktiviti yang berunsurkan PAK21. Segala komen yang diberikan oleh Dr. dan rakan-rakan sangatlah kami hargai. Kami juga cuba untuk memperbaiki segala kekurangan yang terdapat dalam kaedah mengajar tersebut supaya kami dapat menjalankan pengajaran yang lebih baik sebagai persediaan untuk mengajar bagi latihan mengajar dan apabila menjadi guru sebenar kelak.

Secara kesimpulannya, Kaedah Mengajar Bahasa Melayu I ini sememangnya banyak membantu kami dalam persediaan untuk menjadi guru yang sebenar. Segala komen, penambahbaikan dan tips yang diberikan oleh Dr dan rakan-rakan dapat kami gunakan dan melakukan penambahbaikan untuk diaplikasikan apabila menjalani

Latihan Mengajar di sekolah nanti. Kursus ini juga dapat mempersiapkan kami untuk lebih kreatif dan inovatif dalam usaha menjadi seorang guru abad ke-21.